

NO. SOALAN: 493

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN
[INDERA MAHKOTA]**

RUJUKAN : 7682

SOALAN:

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [InderaMahkota] mintaMENTERI
DALAM NEGERI menyatakan bilakah Sistem IKAD akan diperkenal
dan dikuatkuasakan dan nyatakan bilangan IKAD pekerja asing yang
telah dikeluarkan, syarikat yang mengendalikan serta jumlah bayaran
yang dikutip daripada urusan IKAD ini.**

JAWAPAN:

Untuk makluman, Ikad pekerja asing mula dikuatkuasakan pada Mac 2014. Jumlah pengeluaran Ikad pada tahun 2014 adalah sebanyak 1,531,913 keping dan pada tahun 2015 (sehingga 20 Februari 2015) sebanyak 106,507 keping. Syarikat yang dilantik untuk mengendalikan pengeluaran Ikad adalah Permodalan Nasional Malaysia Berhad (PNMB). Jumlah bayaran yang dikenakan adalah RM41.00 bagi setiap IKad yang berjaya dihantar kepada majikan.